

15 MAY 1999

Mahathir-Bantu

KERAJAAN KAJI BANTU ALEXANDER YOONG JADI PEMANDU FORMULA ONE

SHAH ALAM, 15 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mengkaji sama ada akan membantu pemandu harapan Formula One negara, Alexander Yoong, yang menghadapi masalah kewangan untuk menyertai perlumbaan F-1 itu.

"Kita berbangga dengan kejayaannya dan jika dia mempunyai masalah kewangan, kita akan kaji sama ada kita boleh tolong atau tidak," katanya ketika ditanya mengenai perkara itu pada persidangan media selepas melancarkan Fasiliti Penyelidikan dan Pembangunan Proton di Kilang Utama Proton di sini, hari ini.

Kementerian Belia dan Sukan bulan lepas menghulurkan bantuan sebanyak RM150,000 kepada Yoong, pemandu Formula Three, bagi membantu merealisasikan cita-citanya untuk menjadi pemandu Formula One.

Bagaimanapun, bantuan itu tidak mencukupi kerana perbelanjaan berjuta-juta ringgit diperlukan bagi seseorang pelumba untuk bertanding dalam Formula One.

Dr Mahathir berkata beliau berbangga dengan kejayaan sesiapa juga asalkan mereka itu rakyat Malaysia.

"Kita hendak rakyat Malaysia berani mencuba sesuatu kerana kita yakin mereka akan capai kejayaan seperti dua beradik yang berjaya berjalan ke Kutub Utara," katanya.

Beliau merujuk kepada Gerald dan Justin Read yang merupakan rakyat Malaysia yang pertama berjaya menjejak kaki ke Kutub Utara pada 19 April lepas selepas mengharungi cuaca yang amat buruk.

Perjalanan Gerald, 25, dan Justin, 19, dari Petaling Jaya itu ditaja oleh Benson & Hedges.

Perdana Menteri berkata beliau ingin menemui pasangan dua beradik itu tetapi masa belum mengizinkan beliau berbuat demikian.

"Saya ingin berjumpa dengan mereka tetapi tidak ada masa lagi," katanya.

-- BERNAMA

RA AKD